

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DR. ONG KIAN MING [ BANGI ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada undi pos boleh digunakan oleh pengundi Sarawak yang bekerja dan belajar di Semenanjung Malaysia dan Sabah di Pilihan Raya Negeri Sarawak memandangkan situasi COVID-19 yang mungkin belum lagi terkawal bila PRN Sarawak diadakan tahun ini atau tahun depan.

**JAWAPAN**

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN, MENTERI DI JABATAN  
PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan menetapkan salah satu kelayakan untuk didaftarkan sebagai pemilih ialah bermastautin dalam mana-mana Bahagian Pilihan Raya. Bagi maksud tersebut, SPR menentukan Bahagian Pilihan Raya seseorang pemilih berdasarkan kepada alamat pemastautin pemilih seperti di kad pengenalan.

Pada masa ini, SPR tidak bercadang untuk memberikan kemudahan undi pos kepada pengundi Sarawak yang berada di luar Sarawak sama ada di Semenanjung atau Sabah bagi pelaksanaan Pilihan Raya Umum Negeri Sarawak Ke-12 yang akan datang. Kemudahan mengundi secara pos hanya diberikan kepada pengundi dalam kategori seperti berikut:

- i. Ahli SPR dan kakitangan SPR;
- ii. Petugas pilihan raya;
- iii. Tentera, Polis, Polis Pasukan Gerak Am (PGA) yang bertugas pada Hari Mengundi Awal;
- iv. Pengamal media yang bertugas membuat liputan pilihan raya di luar kawasan pada Hari Mengundi;
- v. Kakitangan bagi sembilan Agensi iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Sukarelawan Simpanan Polis, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Kesihatan Malaysia, Jabatan Pendaftaran Negara-UTC, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Agensi Pengurusan Bencana Negara) yang bertugas pada Hari Mengundi;
- vi. Pengundi Malaysia yang berada di luar negara (kecuali Brunei, Singapura, Kalimantan dan Selatan Thai); dan
- vii. Pengundi Tidak Hadir (PTH) luar negara iaitu penjawat awam yang berkhidmat di luar negara dan pasangan serta pelajar universiti/institusi pengajian tinggi sepenuh masa di luar negara dan pasangan.

Dalam hal ini, SPR menggalakkan pengundi untuk memohon pertukaran Bahagian Pilihan Raya berdasarkan tempat bermastautin terkini bagi memudahkan urusan pengundian bagi suatu pilihan raya umum atau kecil.

Sekian, terima kasih.